


SAMBUTAN PENUNTUT TERHADAP PENUBUHAN
KEDAI SUDUT SUKAN KOPERASI ITM BERHAD

DISEDIAKAN OLEH :

1. ABDUL AZIZ CHE HASSAN	84780610
2. AHMAD SUBHI YUSOFF	84485762
3. BADRUL HALIM MUHAMMAD	84473424
4. JAMALUDIN HAJI ABDUL KARIM	84892753
5. NOREHAN ZAKARIA	84824279
6. NORMAH ABDUL RAHMAN	84922638
7. RAJA ZIHARUDDIN RAJA AMIN	84884428

Kertas Kerja Kajian ini diserahkan kepada Kajian Feniagaan
dan Pengurusan bagi memenuhi kelayakan untuk mendapatkan
Diploma in Business Studies.



PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan dan merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada pihak pihak yang telah bersusah payah menyumbangkan masa, tenaga dan pengetahuan mereka juga yang memberi tunjuk ajar dalam masa menyediakan dan menyiapkan lapuran penyelidikan kami ini.

Puan Maznah Che Ghazali

Beliau adalah penasihat kumpulan kami yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan kritikan kritikan yang membina di sepanjang perjalanan kami menyiapkan kertas kerja ini. Dorongan dan nasihat nasihat beliau telah membantu kami dalam memperbaiki dan memperkemaskan lagi keseluruhan lapuran yang kami sediakan dan bimbingan beliau amat kami hargai.

Encik Hanafiah

Pengurus bagi Kedai Sudut Sukan Koperasi I.T.M. Bhd. yang banyak memberi maklumat tentang kedai sukan tersebut. Selain dari maklumat, beliau juga telah memperuntukkan kami dengan carta carta dan jadual jadual yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan kami. Kami berterima kasih kepadanya atas kerjasama yang telah berikan bagi membolehkan kami menjalani penyelidikan kami dengan mudah.

1. PENGANTAR	1
2. RINGKASAN	4
3. PEMERIKSA MALARIA	5
4. OBESITIF	6
5. BAHAN	7
6. METHODOLOGI	8
7. PENEMUAN	19
8. ANALISA	89
9. KESIMPULAN	94
10. CADANGAN	98
11. PENUTUP	101
12. BAHAN RUJUKAN	
13. APPENDIX	


PENGENALAN

Kedai Sudut Sukan Koperasi ITM Berhad adalah merupakan satu projek yang diharapkan dapat menampung kehendak dan keperluan peralatan sukan yang dijangkakan meningkat bilangannya dari masa ke semasa didalam arus perkembangan sukan didalam kawasan kampus ITM amnya.

Ditubuhkan pada bulan Februari 1987, ia menjalankan perniagaan menjual barang keperluan sukan yang meliputi semua aspek sukan seperti piala, plogue, pakaian sukan serta cenderamata.

Waktu perniagaan hariannya ialah dari jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam kecuali hari Sabtu yang dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan tidak menjalankan perniagaan pada hari Ahad serta hari kelepasan am.

Pengurusan kedai Sudut Sukan Koperasi ini adalah dibawah 4 orang kakitangan sahaja. Carta pengurusan kedai tersebut dapatlah dilihat sebagai berikut:



L I DEFINISI KEDAI SUKAN

Kedai boleh didefinisikan sebagai suatu tempat dimana barang barang ataupun peralatan dijual.^I

Manakala sukan pula membawa maksud, segala latihan gerak badan yang memerlukan ketangkasan serta tenaga seperti bolasepak, hoki, tenis dan sebagainya.²

Dengan itu, kedai sukan bolehlah diertikan sebagai suatu tempat dimana segala barang barang ataupun peralatan yang digunakan didalam latihan gerak badan dijual. Oleh itu, kedai sukan secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan aktiviti sukan disuatu tempat.

I. A. Abdurrachman, Ensiklopedia - Ekonomi, Kewangan Dan Perdagangan, Jakarta 1982.

2. Dr. Teuku Iskandar, DBP, KL 1984.